

UNIT 9: Keberanian

• Berani Menghadapi Cabaran

Buku Teks m.s. 45

Tulis Berani atau Tidak Berani pada tindakan yang berikut. SP9.3 TP3

1. Laili ternampak rakannya meniru. Laili tidak melaporkan hal itu kepada gurunya.



2. Rakan mengejek Kim Seng tempang. Kim Seng menegur sikap rakannya itu.



3. Yenny tidak mencuri. Dia hanya menangis apabila dituduh mencuri.



4. Rakan Murugan mengajaknya mandi di lombong. Murugan menolak ajakan rakannya itu.



Aktiviti PAK-21: Think-Pair-Share

- Guru memberikan topik dan murid berfikir sendiri dalam jangka masa tertentu.
- Masa tamat dan murid berkongsi idea bersama pasangan.
- Murid seterusnya berkongsi idea dengan keseluruhan kelas.

UNIT 9: Keberanian• *Berani Menghadapi Cabaran*

Buku Teks m.s. 42 – 43

Lukis 😊 bagi tindakan berani dan ☹️ bagi tindakan tidak berani dalam pernyataan di bawah ini. SP9.4,9.5 TP4

KBAT Menganalisis

1. Saya melaporkan kepada guru apabila ternampak rakan mencuri dompet pelajar lain.

2. Saya hanya berdiam diri apabila dibuli.

3. Saya menyertai pertandingan bercerita walaupun berasa amat gementar.

4. Saya meminta maaf apabila melakukan kesalahan.

5. Saya turut serta menconteng dinding tandas bersama-sama rakan.

6. Saya tidak mengikut orang yang tidak dikenali walaupun puas dipujuk.

7. Saya menasihati rakan yang suka mengejek saya.

8. Saya berasa seronok apabila rakan baik saya diejek kerana berbadan gemuk.

